

TARIKH	26 / 5 / 2013	SEKSYEN	mahkamah
MUKA SURAT	14	RUANGAN	malay

Malaysia sedia beri kerjasama

Jadikan TH model pengurusan jemaah

GURUN - Malaysia bersedia memberi kerjasama kepada mana-mana negara yang berminat menjadikan sistem pengurusan haji oleh Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai model pengurusan jemaah haji mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, sistem pengurusan haji holistik yang diguna pakai TH menarik minat banyak negara untuk mencontohnya.

"Saban tahun Raja Arab Saudi, semasa ucapan Hari Raya, pertemuan dengan delegasi dan Menteri Haji serta pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negara OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam), baginda selalu memuji pengurusan TH.

"Apabila kerajaan Kazakh-

stan kata berminat menjadikan Malaysia contoh, ia tidak pelik kerana setiap bulan ada negara asing berkunjung ke Malaysia untuk melihat model pengurusan TH," katanya kepada pemberita pada majlis jamuan kesyukuran anjuran Pusat Daerah Mengundi (PDM) Batu Tiga, semalam.

Katanya, selain Kazakhstan, Bosnia, Afrika, Amerika Syarikat dan United Kingdom menunjukkan minat adakan kerjasama antara TH dengan agensi pelancongan negara mereka yang mengurus jemaah haji.

"Di Malaysia, terdapat akta pengurusan haji dan TH dan ini be-

zakan Malaysia dengan negara lain.

"Semua negara di dunia kenakan tambang tunai haji di Tanah Suci tinggi, tetapi kita beri subsidi. Jemaah hanya bayar RM9,980 termasuk penginapan dan pengangkutan selama 40 hari di Makkah. Ini mungkin antara sebab negara lain ingin jadikan Malaysia contoh," katanya.

- Bernama



JAMIL KHIR